

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH PENGANGKATAN KANAK-KANAK DALAM ISLAM, 2001

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Naskhah dalam bahasa Melayu adalah terpakai.
4. Pengecualian hak mutlak.
5. Pengenaan.
6. Pengecualian.

BAHAGIAN II

PERINTAH PENGANGKATAN KANAK-KANAK

7. Kuasa untuk membuat perintah pengangkatan kanak-kanak.
8. Sekatan ke atas perintah pengangkatan kanak-kanak.
9. Larangan mengambil semula kanak-kanak.
10. Kanak-kanak bukan beragama Islam.
11. Syarat-syarat perintah pengangkatan kanak-kanak.
12. Pemberian harta.
13. Penjaga *ad litem*.
14. Perintah sementara.
15. Kehadiran di hadapan Hakim Syar'ie.

16. Kesan kegagalan mematuhi syarat-syarat perintah pengangkatan kanak-kanak.
17. *Nasab* anak angkat, hak-hak dan kewajipan.
18. Hak mewarisi.

### BAHAGIAN III

#### RAMPAIAN

19. Prosedur.
20. Rayuan.
21. Hukuman.
22. Pendaftaran.
23. Pengangkatan *de facto*.
24. Kuasa untuk membuat aturan-aturan.
25. *Hukum Syara'* hendaklah dikenakan jika tiada peruntukan.

#### JADUAL

Bil. S 14

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH PENGANGKATAN KANAK-KANAK DALAM ISLAM, 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak dalam Islam, 2001 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh atau tarikh-tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan di bawah cerai (1) bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini atau bagi maksud-maksud yang berlainan bagi peruntukan yang sama.

(3) Gelaran panjang Perintah adalah "Suatu Perintah bagi menggubal peruntukan-peruntukan tertentu mengenai undang-undang pengangkatan kanak-kanak menurut Islam".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Hakim Syar'ie" bermakna Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab-bab 9(1), 10(1) dan 11 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggagal 184) dan termasuk Ketua Hakim Syar'ie;

"*Hukum Syara'*" bermakna hukum-hukum menurut mana-mana mazhab yang sah pada pendapat Mahkamah;

"ibu bapa" bermakna ibu atau bapa sebenar kanak-kanak yang diangkat;

"kanak-kanak" bermakna seseorang yang belum bernikah yang belum mencapai umur 18 tahun *qamariah*;

"Mahkamah" bermakna Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah bab 6(1) dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggai 184);

"Menteri" bermakna Menteri Hal Ehwal Ugama;

"*nasab*" bermakna keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah;

"orang yang mengangkat" bermakna seseorang yang dibenarkan oleh Perintah ini untuk mengangkat seseorang kanak-kanak untuk menjadi anak angkatnya;

"pengangkatan kanak-kanak" bermakna membesarkan, memelihara dan mendidik anak orang lain seperti anak sendiri dengan tidak menjadi anak sebenar kepada orang yang mengangkat;

"penjaga" bermakna seseorang yang mempunyai hak yang sah sebagai penjaga kanak-kanak itu menurut undang-undang;

"saudara" termasuk saudara lelaki, saudara perempuan, nenek sebelah bapa dan nenek sebelah ibu, bapa saudara sebelah ibu dan sebelah bapa dan emak saudara sebelah bapa dan sebelah ibu sama ada dengan hubungan *nasab* atau perkahwinan;

"tahun *qamariah*" bermakna suatu tahun mengikut kalendar Islam.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Perintah ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am (Penggai 4) hendaklah masing-masing mempunyai makna yang sama yang ditentukan kepadanya setakat yang ia tidak bercanggah dengan *Hukum Syara'*.

(3) Ketua Hakim Syar'ie boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, meminda Jadual.

(4) Sebutan dalam Perintah ini kepada tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini adalah sebutan kepada tarikh permulaan kuatkuasa peruntukan-peruntukan substantif utama Perintah ini.

**Naskah dalam bahasa Melayu adalah terpakai.**

3. Jika sebarang percanggahan atau keraguan timbul tentang maksud atau kehendak sesuatu peruntukan di bawah Perintah ini, naskah dalam bahasa Melayu adalah terpakai.

**Pengecualian hak mutlak.**

4. Tiada sebarang apa pun yang terkandung di dalam Perintah ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak mutlak dan kuasa-kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Ketua Ugama bagi Negara Brunei Darussalam.

**Pengenaaan.**

5. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain yang berlawanan, Perintah ini hendaklah dikenakan dalam sebarang hal di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut ugama Islam.

(2) Bagi mengelakkan sebarang keraguan adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tiada orang atau mahkamah selain dari sesebuah mahkamah yang ditubuhkan di bawah Bahagian II bagi Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggag 184) mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut ugama Islam dan yang berkaitan dengan apa-apa perkara yang berbangkit di dalam Perintah ini.

**Pengecualian.**

6. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menjejaskan sahnya sesuatu pengangkatan kanak-kanak yang telah dibuat di bawah sebarang undang-undang di mana-mana jua pun sebelum tarikh Perintah ini mula dikuatkuasakan.

## BAHAGIAN II

### PERINTAH PENGANGKATAN KANAK-KANAK

**Kuasa untuk membuat perintah pengangkatan kanak-kanak.**

7. (1) Setelah permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang berhasrat mendapatkan kebenaran untuk mengangkat kanak-kanak dengan cara yang ditetapkan, Hakim Syar'ie boleh, setelah berpuas hati, membuat perintah pengangkatan kanak-kanak dengan memberi kebenaran kepada pemohon untuk mengangkat kanak-kanak dan memelihara kanak-kanak itu di dalam jagaannya.

(2) Permohonan bagi mengangkat kanak-kanak boleh dibuat di dalam borang yang ditetapkan di dalam Jadual dan dihantar kepada Mahkamah. Di dalam kes-kes tertentu, Hakim Syar'ie boleh, jika dia berpuas hati, mengenyahkan mana-mana keterangan dalam permohonan yang terdapat di dalam borang yang ditetapkan.

(3) Hakim Syar'ie hendaklah, sebelum membuat perintah pengangkatan kanak-kanak, berpuas hati bahawa perintah tersebut, jika dibuat, adalah untuk *masalah* kanak-kanak tersebut.

(4) Dalam menimbangkan *masalah* kanak-kanak itu, Hakim Syar'ie hendaklah memberi perhatian kepada —

- (a) kemahuan ibu bapa, jika ada, atau penjaga atau orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada kanak-kanak itu; dan
- (b) kemahuan kanak-kanak itu, jika dia dalam perumuran yang dapat menyatakan sesuatu pendapatnya sendiri.

**Sekatan ke atas perintah pengangkatan kanak-kanak.**

8. (1) Perintah pengangkatan kanak-kanak hendaklah tidak dibuat di dalam kes di mana orang yang bukan beragama Islam memohon untuk mengangkat kanak-kanak jika —

- (a) kedua ibu bapa kanak-kanak tersebut atau salah seorang daripada mereka adalah beragama Islam; atau
- (b) kedua ibu bapa kanak-kanak tersebut tidak diketahui.

(2) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain yang berlawanan, seseorang kanak-kanak yang kedua ibu bapanya tidak diketahui hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai seorang yang beragama Islam bagi maksud-maksud Perintah ini.

(3) Suatu perintah pengangkatan kanak-kanak hendaklah tidak dibuat kecuali jika —

- (a) pemohon atau di dalam kes permohonan oleh suami isteri, salah seorang daripada mereka telah mencapai umur 25 tahun *qamariah* dan sekurang-kurangnya 18 tahun *qamariah* lebih tua daripada kanak-kanak di mana permohonan untuk mengangkatnya itu dibuat kecuali jika Hakim Syar'ie berpuas hati bahawa terdapat keadaan khas bagi membuat perintah tersebut; atau
- (b) pemohon adalah saudara kanak-kanak tersebut dan dia telah mencapai umur 18 tahun *qamariah*.

(4) Suatu perintah pengangkatan kanak-kanak hendaklah tidak dibuat kecuali dengan keizinan daripada kedua ibu bapa, jika ada, atau penjaga atau orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada kanak-kanak tersebut.

(5) Hakim Syar'ie boleh mengenyepikan keizinan yang dikehendaki oleh cerai (4) jika Hakim Syar'ie berpuas hati bahawa orang yang keizinannya diketepikan itu —

- (a) telah meninggalkan, mengabaikan atau terus menerus melayan kanak-kanak tersebut dengan buruk;
- (b) terus menerus lalai atau enggan memberi nafkah; atau
- (c) tidak layak untuk menjaga kanak-kanak tersebut atas sebab kecacatan tubuh badan atau mental dan kemungkinan besar ketidaklayakkannya untuk menjaga kanak-kanak tersebut berterusan dalam masa tempoh yang tidak tetap.

(6) Dengan tidak menghiraukan cerai (5), Hakim Syar'ie boleh mengenyepikan keizinan yang dikehendaki oleh cerai (4) jika dia berpuas hati bahawa, dalam hal keadaan tertentu, adalah munasabah demi *maslahah* kanak-kanak tersebut untuk berbuat demikian.

(7) Suatu perintah pengangkatan kanak-kanak hendaklah tidak dibuat kecuali jika, di dalam kes permohonan yang dibuat oleh seorang suami atau seorang isteri, keizinan isteri atau suami, mengikut mana yang berkenaan, telah diperolehi.

(8) Hakim Syar'ie boleh mengenyepikan keizinan yang dikehendaki oleh cerai (7) jika Hakim Syar'ie berpuas hati bahawa orang yang keizinannya diketepikan itu tidak dapat ditemui atau tidak berdaya untuk memberi keizinannya atau keizinannya itu ditahan tanpa sebab yang munasabah.

(9) Suatu perintah pengangkatan kanak-kanak hendaklah tidak dibuat jika —

- (a) pemohon adalah seorang lelaki dan kanak-kanak yang dipohonkan untuk dijadikan anak angkat itu adalah perempuan atau pemohon adalah seorang perempuan dan kanak-kanak tersebut seorang lelaki kecuali pemohon dan kanak-kanak itu mempunyai hubungan *nasab* yang *mengharamkan* mereka kahwin buat selamanya; atau
- (b) kanak-kanak tersebut telah diangkat di bawah suatu perintah pengangkatan kanak-kanak yang terdahulu kecuali Hakim Syar'ie berpuas hati bahawa perintah pengangkatan kanak-kanak yang terdahulu itu telah dibatalkan oleh Hakim Syar'ie atau Mahkamah atau memerlukan perubahan.

(10) Suatu perintah pengangkatan kanak-kanak hendaklah tidak dibuat dengan memberi kebenaran kepada lebih daripada seorang pemohon untuk mengangkat kanak-kanak tersebut. Bagi maksud Perintah ini, suami isteri yang berhasrat untuk memohon bagi mendapatkan kebenaran untuk mengangkat kanak-kanak hendaklah dianggap sebagai seorang pemohon.

**Larangan mengambil semula kanak-kanak.**

9. (1) Jika perintah pengangkatan kanak-kanak masih belum diputuskan oleh Hakim Syar'ie, mana-mana ibu bapa, jika ada, atau penjaga atau orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada kanak-kanak tersebut yang telah menyerahkan kanak-kanak tersebut kepada pemohon untuk dijadikan anak angkat hendaklah tidak menceraikan kanak-kanak tersebut daripada jagaan pemohon kecuali dengan kebenaran Mahkamah; dan dalam menimbang sama ada untuk menerima atau menolak permohonan tersebut, Mahkamah hendaklah mengambil kira *masalah* kanak-kanak tersebut.

(2) Apabila perintah pengangkatan kanak-kanak itu dibuat oleh Hakim Syar'ie dan kemudian ibu bapa atau penjaga atau orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada kanak-kanak tersebut memohon supaya kanak-kanak tersebut dikembalikan kepada mereka, kanak-kanak itu hendaklah tidak dikembalikan kepada mereka kecuali Mahkamah membenarkannya.

**Kanak-kanak bukan beragama Islam.**

10. Kanak-kanak bukan beragama Islam yang dijadikan anak angkat oleh orang Islam hendaklah dianggap sebagai beragama Islam.

**Syarat-syarat perintah pengangkatan kanak-kanak.**

11. Hakim Syar'ie di dalam membuat perintah pengangkatan kanak-kanak itu boleh mengenakan syarat-syarat yang difikirkannya patut, khususnya menghendaki supaya orang yang mengangkat kanak-kanak itu memberikan bon atau selainnya, jika ada, yang pada pendapat Hakim Syar'ie perlu dan mustahak.

**Pemberian harta.**

12. Orang yang mengangkat kanak-kanak itu boleh, semasa dia hidup, memindahmilik harta tak alihnya kepada anak angkat tersebut dan boleh memberikan harta alihnya sebagai pemberian dan memberikan hartanya melalui wasiat tidak lebih satu pertiga daripada keseluruhan hartanya.



**Penjaga *ad litem*.**

13. Hakim Syar'ie boleh, jika difikirkan perlu berkaitan dengan permohonan bagi mendapatkan perintah pengangkatan kanak-kanak, melantik seorang penjaga *ad litem* bagi kanak-kanak tersebut yang berkaitan dengannya permohonan itu dibuat. Penjaga tersebut hendaklah menyelidik keadaan kanak-kanak tersebut dan pemohon serta semua perkara lain yang berkaitan dengan pengangkatan kanak-kanak yang dicadangkan bagi melindungi kepentingan-kepentingan kanak-kanak tersebut dengan memberikan maklumat-maklumat yang perlu kepada Hakim Syar'ie.

**Perintah sementara.**

14. (1) Apabila permohonan bagi mendapatkan perintah pengangkatan kanak-kanak dibuat, Hakim Syar'ie boleh, jika difikirkan perlu demi *masalah* kanak-kanak tersebut, menangguhkan keputusan permohonan tersebut dan Hakim Syar'ie boleh membuat perintah sementara yang bukan dianggap sebagai perintah pengangkatan kanak-kanak bagi maksud Perintah ini, dengan memberikan penjagaan kanak-kanak tersebut kepada pemohon selama suatu tempoh yang tidak kurang dari 3 bulan dan tidak lebih dari 2 tahun sebagai tempoh percubaan atas terma-terma yang berkaitan dengan peruntukan bagi pemeliharaan, pendidikan dan pengawasan kebajikan kanak-kanak tersebut dan selainnya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Hakim Syar'ie.

(2) Jika tempoh percubaan itu telah tamat dengan memuaskan, Hakim Syar'ie boleh, jika difikirkannya patut, membuat perintah pengangkatan kanak-kanak membenarkan pemohon untuk mengangkat kanak-kanak tersebut.

**Kehadiran di hadapan Hakim Syar'ie.**

15. (1) Perintah pengangkatan kanak-kanak atau perintah sementara hendaklah tidak dibuat melainkan pemohon, kanak-kanak yang hendak diangkat dan ibu bapa, jika ada, atau penjaga atau orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada kanak-kanak tersebut hadir di hadapan Hakim Syar'ie.

(2) Hakim Syar'ie boleh tidak memerlukan kehadiran mana-mana pemohon atau kanak-kanak atau ibu bapa, jika ada, atau penjaga atau orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada kanak-kanak tersebut jika dia berpuas hati bahawa —

- (a) suatu ikrar daripada pemohon berkaitan dengan permohonan tersebut telah diperolehi;
- (b) terdapat keadaan-keadaan tertentu yang menjadikannya tidak perlu atau mustahak bagi kanak-kanak itu hadir di hadapan Hakim Syar'ie;

(c) ibu bapa, jika ada, atau penjaga atau orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada kanak-kanak tersebut tidak dapat ditemui atau tidak berupaya untuk hadir kecuali suatu ikrar berkaitan dengan keizinan daripada ibu bapa, jika ada, atau penjaga atau orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada kanak-kanak tersebut telah diperolehi; atau

(d) terdapat sebab-sebab lain yang Hakim Syar'ie fikirkan munasabah.

#### **Kesan kegagalan mematuhi syarat-syarat perintah pengangkatan kanak-kanak.**

16. Apabila perintah pengangkatan kanak-kanak dibuat oleh Hakim Syar'ie berkaitan dengan kanak-kanak di bawah Perintah ini dan kemudian orang yang mengangkat kanak-kanak itu secara terus menerus melayan kanak-kanak tersebut dengan buruk atau gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di dalam perintah pengangkatan kanak-kanak yang boleh menjejaskan *masalah* kanak-kanak tersebut, maka Mahkamah hendaklah, setelah berpuas hati, memerintahkan kanak-kanak itu diambil daripadanya dan boleh memerintahkan supaya kanak-kanak tersebut diserahkan sama ada kepada ibu bapanya atau kepada mana-mana orang atau kepada mana-mana institusi sebagaimana yang difikirkan patut oleh Hakim Syar'ie dengan mengambil kira *masalah* kanak-kanak tersebut.

#### **Nasab anak angkat, hak-hak dan kewajipan.**

17. Perintah pengangkatan kanak-kanak hendaklah tidak memindah *nasab* kanak-kanak tersebut kepada orang yang mengangkat dan kanak-kanak tersebut hendaklah tidak mempunyai hak-hak dan kewajipan seorang anak sebenar kepada orang yang mengangkatnya. Kanak-kanak yang dijadikan anak angkat itu hendaklah tetap menjadi anak kepada ibu bapanya yang sebenar dan hendaklah mengekalkan nama yang diberikan kepadanya oleh ibu bapanya yang sebenar atau salah seorang daripada mereka, jika diketahui.

#### **Hak mewarisi.**

18. Perintah pengangkatan kanak-kanak hendaklah tidak menjejaskan hak mewarisi kanak-kanak tersebut.

### **BAHAGIAN III**

#### **RAMPAIAN**

#### **Prosedur.**

19. (1) Semua permohonan yang dibuat di bawah Perintah ini hendaklah didengar dan ditentukan oleh Hakim Syar'ie.

(2) Semua pertikaian berkaitan dengan Perintah ini hendaklah diputuskan dalam Mahkamah terbuka.

**Rayuan.**

20. Mana-mana orang yang terkilan atau tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan Hakim Syar'ie atau Mahkamah di bawah Perintah ini boleh merayu mengikut prosedur yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang berkenaan dengan prosedur sivil dan jenayah di Mahkamah.

**Hukuman.**

21. Mana-mana orang yang melakukan pemalsuan ke atas mana-mana catatan dalam permohonan pengangkatan kanak-kanak atau salinan yang diperakui perintah pengangkatan kanak-kanak atau perintah sementara yang dikeluarkan di bawah Perintah ini atau yang dengan tipu muslihat atau secara tidak jujur menggunakan sebagai suatu yang benar mana-mana salinan yang diperakui tersebut yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu atau gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di dalam perintah pengangkatan kanak-kanak atau perintah sementara yang dibuat di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan hendaklah dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 7 tahun.

**Pendaftaran.**

22. (1) Tidak ada seorang kanak-kanak boleh didaftarkan sebagai anak angkat melainkan jika suatu perintah pengangkatan kanak-kanak telah dibuat oleh Hakim Syar'ie atau Mahkamah di bawah Perintah ini.

(2) Apabila perintah pengangkatan kanak-kanak telah dibuat oleh Hakim Syar'ie atau Mahkamah, ia hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar Anak-Anak Angkat di bawah Akta Pendaftaran Anak-Anak Angkat (Penggagal 123).

**Pengangkatan *de facto*.**

23. Jika, pada tarikh berkuatkuasanya Perintah ini, mana-mana kanak-kanak berada di dalam jagaan dan dibesarkan, dipelihara dan diberikan pelajaran oleh mana-mana orang sebagai anaknya sendiri di bawah pengangkatan *de facto*, dan telah selama tempoh tidak kurang daripada 2 tahun sebelum berkuatkuasanya Perintah ini berada di dalam jagaan orang tersebut, dan telah pun dibesarkan, dipelihara dan diberikan pelajaran, Hakim Syar'ie boleh, atas permohonan orang tersebut, membuat perintah pengangkatan kanak-kanak yang memberi kebenaran kepada orang itu untuk mengangkat kanak-kanak tersebut dengan tidak perlu mendapatkan keizinan daripada ibu bapa, jika ada, penjaga atau orang yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada kanak-kanak tersebut setelah

Hakim Syar'ie berpuas hati bahawa memandangkan kepada keadaan-keadaan kes tersebut adalah adil dan berpatutan untuk *masalah* kanak-kanak itu.

**Kuasa untuk membuat aturan-aturan.**

24. (1) Ketua Hakim Syar'ie boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan —

- (a) menetapkan semua perkara yang dikehendaki atau sesuai untuk ditetapkan oleh Perintah ini, termasuk penetapan bayaran; dan
- (b) pada amnya untuk menguatkuasakan matlamat-matlamat dan maksud-maksud Perintah ini dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Aturan-aturan tersebut boleh membuat peruntukan yang berlainan berhubung dengan jenis-jenis kes yang berlainan yang dikenakan aturan-aturan tersebut, dan boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Ketua Hakim Syar'ie.

***Hukum Syara'* hendaklah dikenakan jika tiada peruntukan.**

25. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan di dalam Perintah ini yang berlawanan dengan *Hukum Syara'* adalah tidak sah setakat mana ia berlawanan.

(2) Mengenai apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini atau dalam sebarang aturan yang dibuat di bawah Perintah ini, Hakim Syar'ie atau Mahkamah hendaklah mengikut *Hukum Syara'*.

JADUAL

BORANG

bab 7(2)

PERINTAH PENGANGKATAN KANAK-KANAK DALAM ISLAM, 2001

PERMOHONAN BAGI PENGANGKATAN KANAK-KANAK

A. KETERANGAN PEMOHON

Adalah saya,

1. Nama .....

No. Kad Pengenalan/Pasport ..... Warna .....

Tarikh lahir ..... Warganegara .....

Bangsa ..... Agama .....

Alamat .....

Pekerjaan ..... Pendapatan ..... sebulan

Nama majikan .....

Alamat majikan .....

No. telefon (jika ada) .....

dengan ini menyatakan bahawa saya berhasrat mendapatkan kebenaran untuk mengangkat kanak-kanak di bawah Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak dalam Islam, 2001.

Dan saya,

2. Nama .....

No. Kad Pengenalan/Pasport ..... Warna .....

Tarikh lahir ..... Warganegara .....

Bangsa ..... Agama .....

Alamat .....

Pekerjaan ..... Pendapatan ..... sebulan

Nama majikan .....

Alamat majikan .....

No. telefon (jika ada) .....

dengan ini menyatakan bahawa saya berhasrat mendapatkan kebenaran untuk mengangkat kanak-kanak di bawah Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak dalam Islam, 2001.

3. Saya/Kami mempunyai tanggungan seramai ..... orang.
  - (1) ..... Umur ..... Lelaki/Perempuan
  - (2) ..... Umur ..... Lelaki/Perempuan
  - (3) ..... Umur ..... Lelaki/Perempuan
  - (4) ..... Umur ..... Lelaki/Perempuan
  - (5) ..... Umur ..... Lelaki/Perempuan
  
4. Saya/Kami \*telah membuat/tidak membuat permohonan yang lalu di bawah sebarang undang-undang bertulis di Negara Brunei Darussalam berhubung dengan kanak-kanak yang disebutkan namanya dalam Bahagian B.
  
5. Saya/Kami tidak bersetuju membuat sebarang pembayaran kepada ibu bapa atau penjaga atau orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kanak-kanak tersebut.
  
6. Saya/Kami tidak menerima atau bersetuju untuk menerima sebarang pembayaran atau lain-lain ganjaran berhubung dengan pengangkatan kanak-kanak yang hendak diangkat kecuali .....
  
7. \*Saya, ....., umur ..... tahun, berumur 25 tahun *qamariah* ke atas dan tidak kurang dari 18 tahun *qamariah* lebih tua daripada kanak-kanak yang hendak diangkat./

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

Saya, ....., umur .....  
tahun, berumur tidak kurang dari 18 tahun *qamariah* dan mempunyai  
hubungan saudara dengan kanak-kanak yang hendak diangkat  
sebagai .....

**B. KETERANGAN KANAK-KANAK YANG HENDAK DIANGKAT**

1. Nama .....  
No. Surat Beranak .....  
No. Kad Pengenalan/Pasport (jika ada) ..... Warna .....  
Tarikh lahir ..... Umur ..... tahun  
Tempat lahir ..... Bangsa .....  
Warganegara ..... Agama .....  
Alamat .....

2. \*\* Bapa kanak-kanak tersebut ialah:

Nama .....  
No. Kad Pengenalan/Pasport ..... Warna .....  
Tarikh lahir ..... Warganegara .....  
Bangsa ..... Agama .....  
Alamat .....  
No. telefon (jika ada) .....  
siapa yang kebenaran bertulisnya bersama ini dilampirkan.

3. \*\* Ibu kanak-kanak tersebut ialah:

Nama .....  
No. Kad Pengenalan/Pasport ..... Warna .....  
Tarikh lahir ..... Warganegara .....

Bangsa ..... Agama .....

Alamat .....

No. telefon (jika ada) .....  
siapa yang kebenaran bertulisnya bersama ini dilampirkan.

4. \*\* Penjaga kanak-kanak tersebut ialah:

Nama .....

No. Kad Pengenalan/Pasport ..... Warna .....

Tarikh lahir ..... Warganegara .....

Bangsa ..... Agama .....

Alamat .....

No. telefon (jika ada) .....  
siapa yang kebenaran bertulisnya bersama ini dilampirkan.

5. \*\* Orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepada kanak-kanak tersebut ialah:

Nama .....

No. Kad Pengenalan/Pasport ..... Warna .....

Tarikh lahir ..... Warganegara .....

Bangsa ..... Agama .....

Alamat .....

No. telefon (jika ada) .....  
siapa yang kebenaran bertulisnya bersama ini dilampirkan.

**C. PENGAKUAN PEMOHON**

1. Adalah saya/kami berada di dalam keadaan yang sihat dan sesuai bagi memelihara dan membesarkan kanak-kanak yang hendak diangkat.
2. Dan sesungguhnya saya/kami mengaku dan mengesahkan sepanjang pengetahuan saya/kami bahawa butir-butir yang terkandung di dalam



WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

borang ini adalah benar dan betul dan saya/kami tidak menyembunyi, menyalah tafsir, memalsukan atau memberikan butir-butir yang tidak benar mengenai apa-apa keterangan yang penting.

Diikrarkan oleh ..... }

..... }

..... }

.....  
Tandatangan Pemohon

dan ..... }

..... }

..... }

.....  
Tandatangan Pemohon

pada ..... haribulan ..... H}

bersamaan ..... haribulan ..... M}

pukul ..... pagi/petang}

di ..... }

Di hadapan saya, .....

.....

HAKIM SYAR'IE

\* Potong mana yang tidak berkenaan

\*\* Jika berkenaan sahaja

---

**Peringatan:**

1. Segala kebenaran bertulis hendaklah dilampirkan bersama permohonan ini.

2. Sila sertakan salinan:

- (i) Kad Pengenalan pemohon.
- (ii) Surat Beranak kanak-kanak yang hendak diangkat.
- (iii) Kad Pengenalan kanak-kanak yang hendak diangkat (jika ada).
- (iv) Pasport kanak-kanak yang hendak diangkat (jika ada).

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 12 haribulan Februari, 2001 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM